Perkembangan Tulisan Rumi dan Jawi di Tanah Melayu

Oleh: Nuratikah Andriana Hairi

Bahasa yang telah lama berkembang di Tanah Melayu ialah bahasa Melayu. Menurut Nik Safiah Karim (2015), bahasa Melayu bermula pada abad ke-7 iaitu dikenali sebagai bahasa Melayu Kuno. Pada zaman ini, bahasa Melayu menggunakan tulisan Sanskrit hasil daripada penemuan batu bersurat yang menerima pengaruh bahasa Sanskrit yang ditemui di Palembang. Namun, sejak kedatangan Islam di Tanah Melayu pengaruh Sanskrit mula terhakis. Hal ini kerana pedagang-pedagang Arab yang datang telah memperkenalkan tulisan Arab, iaitu tulisan jawi. Hal ini secara tidak langsung tulisan bahasa Melayu menggunakan tulisan Arab dalam penulisan. Seterusnya, tulisan bahasa Melayu digantikan pula dengan tulisan rumi kerana pengaruh British yang mula menapak pada abad ke-19. Tulisan Rumi diperkenalkan oleh British bagi memudahkan mereka berurusan dengan rakyat tempatan. Sehinggan kini, tulisan rumi digunakan dalam penulisan bahasa Melayu. Oleh itu, jelaslah bahawa tulisan bahasa Melayu mengalami banyak perubahan terutamanya tulisan rumi dan jawi. Maka, kita perlu tahu dengan lebih mendalam tentang perkembangan tulisan rumi dan jawi dalam bahasa Melayu.

Menurut Muhammad Salehudin (2016), sejarah awal penggunaan tulisan rumi dikaitkan dengan para pengembara, iaitu sama ada pedagang atau penjelajah dari Eropah ke Nusantara (Kepulauan Melayu) secara perseorangan (Portugis, Sepanyol dan Itali) yang menulis perkataan Melayu yang mereka dengar semasa di pelabuhan dengan tulisan rumi. Secara ringkasnya, penggunaan tulisan rumi ini dilakukan oleh pedagang dari Eropah ke Nusantara dengan menulis perkataan Melayu yang didengar oleh mereka di pelabuhan. Justeru itu, tulisan rumi telah berkembang pada awal abad ke-20 kerana ejaan jawi tidak dapat menggambarkan sistem bunyi bahasa Melayu yang sebenar. Sehubungan dengan itu, penyusunan satu sistem ejaan rumi yang seragam dan lebih mudah diperlukan untuk menggantikan tulisan jawi pada masa itu (Suhasni Dollah, 2017). Oleh itu, Van Ophuysen telah memperkenalkan sistem ejaan rumi pertama di alam Melayu dengan menggunakan aksara rumi. Beliau telah menetapkan 32 aksara dalam sistem ini berdasarkan sistem ejaan yang digunakan dalam bahasa Belanda. Tambahan lagi, orang Inggeris telah mengasaskan beberapa kaedah ejaan rumi pada abad ke-17 hingga abad ke-19 di Tanah Melayu. Sistem ejaan rumi ketika itu adalah berasaskan kaedah transliterasi huruf jawi kepada huruf rumi.

This study source was downloaded by 100000892055450 from CourseHero.com on 10-13-2024 05:40:18 GMT -05:00

https://www.coursehero.com/file/57352413/Esei-Idocx/

Bukan itu sahaja, sistem tulisan rumi pada zaman British semakin berkembang dengan adanya penambahbaikan terhadap sistem tulisan ini. Sistem ejaan rumi yang pertama ialah Sistem Ejaan Rumi Wilkinson. Menurut Suhasni Dollah (2017), Wilkinson telah mengambil pendekatan transliterasi daripada jawi kepada rumi sebagai kaedah perumian bunyi-bunyi Melayu. Sistem ejaan yang seterusnya ialah Sistem Ejaan Rumi Za'ba. Sistem ini telah muncul apabila tokoh Za'ba membuat perubahan terhadap sistem Ejaan Wilkinson. Sistem ejaan rumi Za'ba menggunakan kaedah lambang huruf yang beraneka ragam dan terdapat penghasilan grafem-grafem dalam sistem ejaan ini bagi menggantikan huruf-huruf jawi. Sistem Ejaan Rumi selepas Za'ba ialah Ejaan Rumi Fajar Asia. Sistem ejaan ini menunjukkan penggunaan grafem yang sedikit berbeza daripada yang terdapat dalam sistem ejaan yang sebelumnya. Seterusnya ialah Ejaan Kongres. Sistem ejaan ini telah merumuskan empat dasar pengejaan bahasa Melayu dengan huruf rumi. Sistem ejaan yang terakhir ialah Ejaan Rumi Baharu (ERB). Sistem ejaan ini diisytiharkan secara rasmi dan serentak di dua buah negara, iaitu Malaysia dan Indonesia pada 16 Ogos 1972. Justeru itu, risalah 'Sistem Ejaan Rumi Bahasa Malaysia' diterbitkan oleh DBP untuk kegunaan ramai. Akhirnya, Pedoman Umum Ejaan yang lebih lengkap telah dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Tetap Bahasa Indonesia-Malaysia pada 5 Disember 1974.

Menurut Kang Kyoung Seok (1990), perkataan "Jawi" berasal daripada bahasa Arab "Jawah". Tulisan Jawi ditakrifkan sebagai tulisan yang menggunakan huruf-huruf Jawi atau huruf Arab (Noresah, 2014). Justeru itu, dapat difahami bahawa tulisan Jawi ini ditulis dalam huruf-huruf Jawi yang juga disebut sebagai huruf-huruf Arab. Selain itu, perkataan Jawi ini digunakan untuk merujuk kepada penduduk-penduduk di Nusantara ini (Norikmal Yusop, 2020). Sehubungan dengan itu, tulisan Jawi sebenarnya telah lama berkembang di kepulauan Melayu sejak kedatangan Islam pada abad ke-10. Menurut Siti Hajar (2009), bukti pengaruh tulisan Jawi di Tanah Melayu ialah dengan penemuan Batu bersurat di Terengganu pada tahun 1303. Penemuan batu bersurat tersebut telah membuktikan bahawa tulisan Jawi telah wujud di Tanah Melayu. Oleh itu, selari dengan peredaran zaman, sistem tulisan dan ejaan Jawi telah mengalami dua tahap perkembangan (Suhasni Dollah, 2017). Perkembangan ejaan Jawi pada tahap pertama terbahagi kepada empat peringkat. Pada peringkat pertama, ejaan Jawi digunakan sepenuhnya, iaitu menggunakan tanda baris atau diakritik. Pada peringkat kedua pula, tanda baris pada ejaan Jawi dihilangkan. Pada peringkat ketiga, lahirnya huruf vokal, iaitu *alif, wau* dan *ya* bagi memudahkan masyarakat untuk membaca tulisan Jawi. Pada peringkat keempat, huruf vokal ditambah pada suku kata kedua dan bukan pada suku kata pertama.

This study source was downloaded by 100000892055450 from CourseHero.com on 10-13-2024 05:40:18 GMT -05:00

https://www.coursehero.com/file/57352413/Esei-Idocx/

Perkembangan ejaan Jawi pada tahap pertama masih mempunyai banyak kelemahan. Justeru itu, berlakunya perkembangan ejaan Jawi pada tahap kedua bagi menyempurnakan lagi penggunaan ejaan Jawi yang betul. Maka, terdapat empat peringkat perkembangan penyempurnaan tulisan Jawi oleh orang di Nusantara (Kang Kyoung Seok, 1990). Pada peringkat pertama, sistem Ejaan P.Bm. P.B. Diraja Johor telah disusun dalam bentuk risalah yang berjudul *Risalah bagi Helaian P.Bm. P.B. Diraja Johor* (Suhasni Dollah, 2017). Sistem ejaan ini adalah ringkas dan kata dieja mengikut cara satu-satu suku kata dibunyikan. Pada peringkat kedua pula, sistem Ejaan Jawi Za'ba dibentuk dan dilengkapkan dalam sebuah buku berjudul *Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi)* pada tahun 1938. Menurut Suhasni Dollah (2017), sistem ejaan ini diolah semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melahirkan Sistem Ejaan Jawi yang Disempurnakan. Pada peringkat yang ketiga, sistem Ejaan Jawi Dian diperkenalkan oleh majalah Dian pada tahun 1973. Sistem ejaan ini berasaskan ejaan fonetik, iaitu mengeja sesuatu perkataan mengikut sebutan. Pada peringkat keempat, Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan diterbitkan pada tahun 1986 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Menurut Afiqekie (2012), pedoman ini digunakan, disempurnakan atau dimantapkan daripada kaedah ejaan Jawi yang digunakan sebelumnya yang berasaskan Kaedah Ejaan Jawi Za'ba.

Kesimpulannya, dapat kita rumuskan bahawa betapa pentingnya tulisan dalam sesuatu bahasa. Justeru itu, perkembangan tulisan Rumi dan Jawi amatlah penting dalam bahasa Melayu sehingga kini. Sejarah telah menunjukkan bahawa tulisan Jawi sangat penting dalam bahasa Melayu sejak kedatangan Islam pada abad ke-10. Perkembangan tulisan Jawi semakin kukuh apabila terbitnya Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan pada tahun 1986. Namun, kedudukan tulisan Jawi mula tergugat apabila tulisan Rumi mula diperkenalkan pada awal abad ke-20. Pengaruh tulisan Rumi juga semakin meluas dalam penggunaan bahasa Melayu. Justeru itu, penggunaan tulisan Rumi dalam bahasa Melayu dikekalkan sehingga hari ini. Walaupun begitu, penggunaan tulisan Jawi perlulah dikekalkan juga sebagai tanda kegemilangan bahasa Melayu sewaktu ketika dahulu. Maka, Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah memainkan peranannya yang penting dalam mengekalkan tulisan Jawi ini agar tidak dilupakan dan dipinggirkan pada zaman ini.

This study source was downloaded by 100000892055450 from CourseHero.com on 10-13-2024 05:40:18 GMT -05:00

https://www.coursehero.com/file/57352413/Esei-Idocx/

Bibliografi

Afiqekie (2012). *Topik 7: Sistem Perkembangan Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu.* Dimuat naik dari https://afiqekie.files.wordpress.com/2012/12/modul-bmm3112-topik-7-iankaka.pdf

Harun Aminurrashid (1996). *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu.* Singapura: Pustaka Melayu.

Kang Kyoung Seok (1990). *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammed Salehudin Aman (2016). *Sinopsis Ejaan Bahasa Melayu*. Dimuat naik dari klikweb.dbp.my/wordpress/?=6003

Nik Safiah Karim, et.al (2015) (Edisi Ketiga). *Tatabahasa Dewan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom (2014). *Kamus Dewan Edisi Keempat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norikmal Yusop (2020). *Lantera Jawi.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Siti Hajar Abdul Aziz (2009). *Bahasa Melayu II.* Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Suhasni Dollah (2017). *Pengenalan Sistem Ejaan Rumi Dan Jawi.* Kuala Lumpur: IPG Kampus Bahasa Melayu.

This study source was downloaded by 100000892055450 from CourseHero.com on 10-13-2024 05:40:18 GMT -05:00

https://www.coursehero.com/file/57352413/Esei-Idocx/